

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: COLGIS - Pejabat Pembangunan Pelajar dan Alumni
Sent: Thursday, 16 March, 2017 8:34 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Prof. Madya Dr. Rusdi bin Omar; Roshadah Bt Yaacob; Shahidan B Shafie
Subject: PPA COLGIS ONLINE : DAERAH PENDANG DESTINASI PERTAMA UNTUK PROMOSI KEMASUKAN PELAJAR B40 KE UUM



Pejabat Pembangunan Pelajar dan Alumni
STUDENT DEVELOPMENT AND ALUMNI OFFICE
College of Law, Government and International Studies
Universiti Utara Malaysia

“MUAFAKAT KEDAH”

16 MAC 2017 / 17 JAMADILAKHIR 1438H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Assalamualaikum & Salam Sejahtera

YBhg. Dato' Seri/Datuk/Dato'/Datin/Y.Brs. Prof/Tuan/Puan

DAERAH PENDANG DESTINASI PERTAMA UNTUK PROMOSI KEMASUKAN PELAJAR
B40 KE UUM



PPA COLGIS ONLINE: Daerah Pendang menjadi destinasi pertama Pejabat Pembangunan Pelajar & Alumni UUM COLGIS, UUM CAS dan UUM COB serta Jabatan Hal Ehwal Akademik turun padang memberi penerangan mengenai Program Bottom 40 (B40) ke Universiti Utara Malaysia.

Program yang berlangsung pada 14 Mac 2017 di Sekolah Menengah Kebangsaan Pendang ini melibatkan penyertaan seramai 150 orang pelajar lulusan STPM tahun 2016 dari daerah tersebut. Taklimat mengenai kelayakan dan syarat-syarat permohonan melalui UPU Online serta program-program yang ditawarkan di UUM telah disampaikan oleh Encik Shahidan Shafie, Ketua Penolong Pengarah, Jabatan Hal Ehwal Akademik. Beliau juga turut memberi maklumat berkaitan kriteria-kriteria permohonan untuk pelajar B40 yang mempunyai kelayakan serta cukup syarat untuk ke universiti tetapi tercicir kerana merit yang agak rendah.

Pengetua Sekolah Menengah Kebangsaan Pendang Encik Mohd Radzi Haji Ahmad, mengalu-alukan program seumpama ini diadakan kerana ia memberi peluang kepada pelajar-pelajar miskin mendapat peluang untuk meneruskan pengajian sehingga ke universiti. "Pendedahan perlu disampaikan kepada pelajar supaya pelajar yang tidak berkemampuan tidak ketinggalan untuk melanjutkan pelajaran ke menara gading " katanya.

Selesai taklimat, HEA turut mengedarkan borang kemasukan B40 kepada pelajar yang layak. Selepas ini Team promosi B40 UUM akan terus membuat promosi ke daerah Baling, Sik, Padang Terap dan Kota Setar bagi mencapai sasaran kemasukan pelajar B40 ke UUM seperti yang di arahkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi.

Habis.

"UUM COLGIS : WHERE INNOVATION IN GOVERNANCE BEGINS"

=====

Daripada:

Pejabat Pembangunan Pelajar dan Alumni

College of Law, Government and International Studies (COLGIS)

Universiti Utara Malaysia | 06010 UUM Sintok, Kedah | Malaysia

Tel : +6049287805/7806/7807/7808 | Fax : +6049287849 | Email : colgis_pppa@uum.edu.my

Laman Web : <http://ppacolgis.uum.edu.my/> | Facebook : OFFICIAL PPA UUM COLGIS | Twitter : PPA_COLGIS



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.